

08/08/2002

Kuala Lumpur tiada niat ambil alih sekretariat Asean

Mior Kamarul Shahid

DENPASAR (Bali), Rabu - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menjelaskan cadangan penubuhan sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur bukan bertujuan mengalih kepentingan sekretariat Asean di Jakarta, Indonesia.

Sebaliknya, beliau berharap isu yang akan turut dibincangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri di sini, dijangka memperkukuhkan tumpuan Asean kepada bidang yang membabitkan kerjasama negara anggota.

Katanya, ini kerana di kalangan negara Asean sendiri mempunyai terlalu banyak perkara yang perlu dibincang dan dilaksanakan.

"Asean+3 boleh memberi tumpuan kepada usaha yang memerlukan perhatian khusus.

"Asean+3 mempunyai bidang yang terasing daripada organisasi Asean itu sendiri. Ia bukanlah menjadi persaingan, sebaliknya sokongan kepada usaha yang dilaksanakan dalam konteks Asean," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan sama ada isu Asean+3 akan dibangkitkan dalam perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu.

Dr Mahathir berada di sini dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Indonesia. Lawatan tahunan itu dijadualkan Februari lalu tetapi ditangguhkan.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan kekecewaannya kerana Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) ke-35 di Brunei Darussalam baru-baru ini, berikutan kegagalan mencapai kata sepakat berhubung penubuhan sekretariat itu.

Asean+3 ialah kerjasama anggota Asean dengan Jepun, Korea Selatan dan China bagi mengukuhkan hubungan dan perdagangan di rantau ini. Singapura dan Indonesia dikatakan kurang berminat dengan cadangan itu.

"Kita patut menyambut baik usaha Asean+3 yang mahukan negara Asia Timur bekerja rapat sebagai masyarakat timur.

"Dalam mesyuarat Asean+3 semuanya bersetuju supaya ia diinstitusikan. Malaysia mencadangkan supaya diadakan sekretariat berasingan. Bagi mempercepatkan penubuhannya, Malaysia bersetuju menawarkan AS\$10 juta (RM38 juta) di samping menanggung perbelanjaan sekretariat selama lima tahun.

Syed Hamid berharap niat dan tujuan Malaysia tidak diragui kerana matlamatnya adalah untuk memperkukuhkan kedudukan negara Asean.

"Dalam Asean memang wujud pendekatan peringkat demi peringkat. Ada peringkat yang perlu diperlahankan dan ada pula yang perlu dipercepatkan seperti penubuhan Sekretariat Asean+3 ini.

"Kita sudah berbincang begitu lama. Sekarang Asean+3 bukan satu impian tetapi sudah ada projek dan kerjasama yang khusus. Mengapa tidak kita institusikan Asean+3?" tegasnya.

Beliau memberi jaminan tidak wujud soal tugas bertindan antara Sekretariat Asean+3 dan Sekretariat Asean kerana masing-masing mempunyai fungsi yang berbeza.

Tambahan pula, katanya soal konsep, struktur dan kewangan sudah dibincangkan di peringkat awal cadangan ia ditubuhkan.

Syed Hamid berkata, beliau akan menghadiri mesyuarat inisiatif bagi Pembangunan Asia Timur (Idea) di Jepun 12 Ogos ini.